

## PERANGI KETAGIHAN GAM

# Remaja paling ramai terjebak

→ Majoriti daripada keluarga berpendapatan rendah

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Rashedi Ili Abd Rahim  
bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Remaja berusia antara 16 hingga 19 tahun paling ramai terjebak ketagihan akibat menghidu gam, dengan majoriti daripada keluarga berpendapatan rendah atau dalam kelompok sosioekonomi rendah.

Statistik itu dikumpulkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) susulan tinjauan terhadap 605 individu berusia antara 13 hingga 24 tahun, dengan 73 peratus daripada yang menghidu gam adalah remaja termasuk bawah umur.

Ketua Pengarah AADK, Datuk Seri Zulkifli Abdullah, berkata memandangkan kebanyakan remaja terjebak ketagihan gam datang dari keluarga berpendapatan rendah, mereka cenderung memilih bahan khayal murah dan senang untuk diperoleh seperti gam.

"Berdasarkan maklumat dikumpulkan, golongan remaja terbabit

rakyat, yang kita ketahui mempunyai masalah sosial serta keluarga yang serius.

"Mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang banyak dan tentunya memilih bahan khayal lebih murah seperti gam, petrol, kerosin atau liquid paper (cecair pemadam kertas)," katanya kepada BH.

## Cadangan tubuh Akta

Semalam Zulkifli memaklumkan AADK akan mengemukakan cadangan penubuhan undang-undang khusus dikenali Akta Bahan Khayal sebagai usaha mengekang ketagihan gam serta bahan khayal lain seperti petrol, aerosol, cat sembur, cecair pemetik api serta najis lembu.

Ditanya mengenai cadangan meletakkan bahan khayal khususnya gam di bawah peruntukan Akta Racun 1952, Zulkifli bagaimanapun tidak bersetuju memandangkan bahan itu sebahagian daripada kegunaan harian.

"Dalam mengekang ketagihan, kita sebenarnya boleh mainkan peranan di peringkat penjualan, walaupun tanpa bahan itu disenarai di bawah Akta Racun 1952.

"Caranya dengan mengenal pasti tujuan kanak-kanak atau remaja membeli gam terutama jika ia dalam kuantiti yang banyak dan mencurigakan," katanya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata AADK perlu

menyalah guna apa-apa bahan khayal untuk tujuan ketagihan, termasuk gam.

"Masalah hidu gam berada di tahap membimbangkan apabila kanak-kanak dan remaja melakukan kegiatan itu secara terbuka.

"Masyarakat kita pula seolah-olah tidak ambil peduli, sehinggalah aktiviti berkenaan berlaku di depan mata mereka setiap hari seperti yang dilaporkan di kawasan Chow Kit baru-baru ini.

## Beri kuasa menahan

"Saya bersetuju jika AADK diberi kuasa menahan mereka yang menyalahgunakan bahan berkenaan, kerana tiada peruntukan sedemi-

kian dalam undang-undang sedia ada," katanya kepada BH.

Lam Thye turut mencadangkan ruang lingkup akta baharu itu jika diluluskan perlu juga mengambil kira tindakan terhadap pihak yang sengaja membekalkan gam kepada remaja yang kemudian digunakan untuk tujuan penagihan.

"Saya harap peniaga yang menjual peralatan pembinaan termasuk gam dapat memainkan peranan membantu usaha membanteras kegiatan ini dengan merekodkan setiap pembelian bahan itu, selain melaporkan kepada pihak berkuasa jika mengesyaki sebarang penyalahgunaan bahan itu," katanya.



Golongan remaja terbabit biasanya datang dari kawasan berisiko tinggi seperti di perumahan rakyat, yang kita ketahui mempunyai masalah sosial serta keluarga yang serius. Mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang banyak dan tentunya memilih bahan khayal lebih murah seperti gam, petrol, kerosin atau liquid paper (cecair pemadam kertas)"



Keratan akhbar  
BH Ahad, semalam.

pulkan, golongan remaja terbabit biasanya datang dari kawasan berisiko tinggi seperti di perumahan

Lam Thye, berkata AADK perlu diberi kuasa untuk menahan mana-mana individu yang terbukti

**Zulkifli Abdullah,**  
Ketua Pengarah AADK

# Tabiat berisiko cetus masalah mental: Pakar

**Kuala Lumpur:** Tabiat menghidu gam sebagai bahan khayal berisiko menyebabkan kerosakan pada sistem saraf manusia sehingga mengundang masalah berkaitan mental kepada penagih.

Berdasarkan maklumat, menghidu gam sama ada melalui mulut atau hidung secara berterusan untuk tempoh kira-kira enam bulan sahaja sudah mencukupi untuk mengundang masalah terbabit.

Pakar Psikiatri Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Ahmad Rostam Md Zin, berkata ketagihan menghidu gam berlaku didorong tarikan terhadap kesan euforia atau keseronokan melampau yang dialami secara mendadak selepas pengambilan bahan khayal itu.

Selain berhalusinasi, katanya bahan khayal terbabit boleh me-

ngakibatkan seseorang itu merasa lebih yakin diri dan terangsang secara tiba-tiba.

“Kesan buruk akibat menghidu gam akan dirasai ketika fasa ‘pengunduran’ apabila mereka mula mengalami perasaan seperti kemurungan, penat dan pelbagai kesan negatif lain.

“Ketika inilah mereka akan mencari bahan khayal itu semula untuk mendapatkan kesan (euforia) untuk terus merasa seronok seperti sebelum ini. Inilah yang mengakibatkan mereka ketagihan terhadap bahan seperti gam dan petrol,” katanya kepada BH.

Dr Ahmad Rostam mengakui bahan kimia dalam gam atau petrol mampu mempengaruhi minda penghidu kerana sifatnya yang mudah diserap, menyebabkan ke-



Dr Ahmad Rostam  
Md Zin

san secara terus kepada otak dengan tempoh mengubah personaliti asal pengguna bermula sejak pengambilan pertama bahan khayal itu lagi.

## Rawatan bersifat simptomatik

Mengenai rawatan, katanya kesan penagihan hanya boleh dielak dengan berhenti daripada terus mengambil bahan khayal terbabit, sebelum disusuli rawatan bersifat simptomatik.

Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Am, Hospital Pakar Kasih Cyberjaya, Dr Hanafiah Bashirun, berkata ketagihan menghidu gam turut mengundang masalah berkaitan fizikal seperti kurangnya tanggungjawab kepada keluarga, dibelenggu masalah kewangan,

pergaulan sosial terhad dan berisiko tinggi mendapat penyakit berbahaya.

“Penagih bahan khayal seperti gam ini akan mengalami kurang daya imunisasi (sistem badan melawan penyakit) dan ia boleh mengundang pelbagai penyakit berbahaya termasuk AIDS, sakit jantung, buah pinggang dan hati.

“Tanda yang dapat dilihat kesan daripada menghidu gam ialah mata merah dan berair, resah, tiada selera makan, panas badan, menggelabah dan suka memencilkan diri.

“Gejala seperti itu boleh memudaratkan diri seseorang, bermula dengan menghidu gam remaja mungkin akan berubah haluan kepada arak, ganja dan dadah lain yang lebih bahaya,” katanya.